

Bahagian B

Morfologi/ Frasa/ Sintaksis/ Peribahasa

10

Ujian 2

1. Dalam bahan di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

SYARIKAT HARTANAH

Kami sebuah syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia menawarkan khidmat perunding hartanah. Kami juga membeli dan menjual hartanah termasuk rumah, premise perniagaan, dan tanah.

Sila hubungi: 01159928458

JAWATAN PEMANDU LORI

Kami menawarkan jawatan pemandu lori kepada warganegara yang berminat dan berkelayakan. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia serta mempunyai lesen memandu kenderaan awam dan kenderaan komesial.

Sila hubungi : 0194588414

- (i) _____
(ii) _____

[2 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kerjasama antara semua agensi-agensi kerajaan dengan orang ramai diperhebat bagi menangani masalah jenayah yang berleluasa.

(ii) Urus setia telah menyenaraikan berbagai usul untuk dibahaskan dalam mesyuarat yang akan diadakan pada minggu hadapan.



[2 markah]

3. Kenal pasti ayat-ayat di bawah ini sama ada ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, atau ayat seruan.

- (i) Amboi, manja sungguh Ammar dengan datuknya! _____
(ii) Tolong hantarkan semua buku ini ke pusat sumber. _____
(iii) Ke manakah Haikal pergi selepas pulang dari sekolah? _____
(iv) Umar memperoleh undi yang tertinggi untuk jawatan pengerusi. _____

[4 markah]

4. Lihat bahan di bawah ini dengan telitinya.
Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** bandingan semacam yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____

[2 markah]